



RAKAM KENANGAN...Siswa UMS bergambar kenangan bersama keluarga angkat.

Bakti Siswa Perdana UMS penghubung universiti dan penduduk luar bandar

NST 22.03.2017 10

AKTIVITI khidmat sosial yang dilaksanakan siswa-siswi universiti bersama komuniti setempat mampu menjadi jambatan penghubung antara universiti bersama masyarakat luar.

Lantaran itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa mempergiatkan aktiviti khidmat masyarakat dan kerja sosial sebagai satu usaha mendekati masyarakat khususnya penduduk luar bandar.

Terbaru, program Bakti Siswa Perdana dan Pesta Bubuk UMS yang melibatkan sejumlah 250 siswa-siswi UMS di Kampung Binsulok dan Kampung Likas, Membakut baru-baru ini menyokong agenda jalinan perhubungan dan menyebar luas ilmu pengetahuan kepada masyarakat luar.

Program tersebut memberi peluang kepada seramai 40 siswa-siswi UMS berkampung selama tiga hari di kedua-dua kampung bersama keluarga angkat mereka, satu pengalaman berharga yang mampu mendidik mereka tentang nilai-nilai murni kehidupan masyarakat kampung.

Uniknya, program ini turut melibatkan pelajar-pelajar antarabangsa sekali gus mampu memberikan gambaran yang baik tentang kepelbagaiannya budaya dari masyarakat majmuk serta semangat perpaduan yang menebal dalam diri masyarakat di Malaysia.

Azizi Mumwi, pelajar dari Tanzania ketika ditemui berkata program tersebut memberi pendedahan kepada mereka tentang budaya tempatan serta peluang untuk berinteraksi bersama masyarakat kampung.

"Satu pengalaman yang menarik kerana sepanjang di sini saya dapat mengetahui tentang gaya hidup, makanan, muzik tradisional dan bahasa komuniti di kampung ini," katanya.

Siswa UMS juga berpeluang menjalankan aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawan melalui program Gotong-Royong Perdana yang menyaksikan mereka berganding bahu bersama penduduk kampung membersihkan kawasan jeti dan tapak pasar ikan serta turut membaikinya dan mengecat gelanggang futsal bagi manfaat golongan belia.

Ramida Syahril, pelajar Fakulti Kemanusiaan,

Seni dan Warisan yang turut terlibat dalam aktiviti tersebut berkongsi rasa teruja menjalankan kerja-kerja kesukarelaan yang merupakan pengalaman kali pertama beliau.

"Diharap selepas segala kerja-kerja baik pulih dilaksanakan, tempat ini akan lebih meriah dengan pelbagai aktiviti seperti pertanian, jual beli ikan dan sebagainya," jelas Ramida.

Turut berlangsung perasmian Pesta Bubuk yang dilihat berpotensi dijadikan acara tahunan di daerah Membakut sebagai satu daya tarikan pelancongan.

Hal ini dinyatakan Pegawai Kemajuan Masyarakat, Membakut, Haji Latif Osman yang mencadangkan satu kerjasama bersama UMS bagi memperluas penganjuran pesta tersebut sebagai landasan untuk mempromosikan kepelbagaiannya produk pelancongan berdasarkan pengeluaran makanan.

"Kehadiran para pelajar tempatan dan antarabangsa ke kampung ini sedikit sebanyak membantu mempromosikan pelbagai produk makanan tradisional seperti bubuk dan belacan yang sememangnya sinonim dengan Kampung Binsulok," katanya.

Senada dengan beliau Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah dalam ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Ismail Ali yang berpendapat sudah tiba masa produk bubuk di daerah Membakut diangkat sebagai satu program dalam kalender pelancongan Negeri Sabah.

"Dalam hal ini UMS bersedia untuk membantu menganjurkan Pesta Bubuk pada masa hadapan, kerana sepanjang UMS mengadakan program bakti siswa di pelbagai pelusuk negeri Sabah, program di Membakut paling istimewa kerana turut diselitkan produk bubuk sebagai pengisian acara."

"Melalui program ini para siswa dan pelancong sudah pasti akan dapat mengenali produk ini dengan lebih dekat sekali gus membantu meningkatkan budaya keusahawanan dan pendapatan berdasarkan bubuk dalam kalangan pen-gusaha di kampung ini," ujar beliau.



PELAJAR UMS dari Laos diberi peluang membuat cucur bubuk.



ANTARA pelajar antarabangsa UMS yang turut terlibat.



BAIKI...Pelajar UMS bertungkus lumus membaiki jeti berdekatan tapak pasar ikan yang telah usang.



STAF UMS turut serta bersama penduduk kampung membaiki pagar di kawasan pasar ikan.



SIMBOLIK PERASMIAN...Dr. Ismail (enam kiri) bergambar bersama pelajar antarabangsa UMS ketika simbolik perasmian Bakti Siswa Perdana dan Pesta Bubuk UMS.